

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KAWALAN TIKUS DAN**  
**GOTONG ROYONG**  
**24 OGOS 2013 (SABTU)**  
**DEWAN ORANG RAMAI JALAN TUNA SEBERANG JAYA**

---

**Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan

**Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Padzil Bin Hashim**

Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara

**Yang Berbahagia Dato' Abu Jamal Bin Nordin**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pembangunan)

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam Sejahtera dan Selamat Pagi**

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk Majlis Pelancaran Kempen Kawalan Tikus Dan Gotong Royong. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr Afif Bin Bahardin, Yang Berbahagia Dato' Dr Mohd Padzil Bin Hashim, Yang Berbahagia Dato' Abu Jamal Bin Nordin dan semua yang hadir pada pagi ini. Ucapan terima kasih dan tahniah juga kepada pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana menganjurkan Pelancaran Kempen Kawalan Tikus dan Gotong Royong secara serentak di semua PBT di seluruh Malaysia pada tahun ini bertarikh 24.8.2013. Untuk pelancaran ini, setiap PBT telah diberi peruntukan sebanyak RM 6000.00.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Bagi pelancaran diperingkat Majlis Perbandaran Seberang Perai kita memilih Dewan Orang Ramai Jalan Tuna, Seberang Jaya sebagai tapak Pelancaran Kempen Kawalan Tikus dan Gotong Royong pada hari ini. Kempen ini adalah sebagai satu platform yang boleh digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengingatkan masyarakat tentang bahaya tikus dan tanggungjawab untuk bersama-sama dengan MPSP

untuk mengawal pembiakan tikus dan kepentingan menjaga kebersihan kawasan sekitar.

Tikus adalah haiwan perosak harta benda orang awam dan melibatkan kos kerugian yang besar. MPSP sering kali menerima aduan longkang runtuh dan tersumbat di sekitar premis awam kerana aktiviti pengorekan lubang oleh tikus. Berjuta ringgit diperuntukan untuk membaiki longkang yang rosak di seluruh Seberang Perai.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Berdasarkan kajian dari Jabatan Kesihatan MPSP, di kejiranan ini telah berlakunya peningkatan index tikus yang tinggi. Pemantauan dan tindakan kawalan yang kerap telah dijalankan oleh MPSP akibat peningkatan aduan yang tinggi sejak tahun 2010 sehingga kini. Terdapat banyak lubang tikus di sekitar kejiranan ini terutamanya di tempat pembuangan sampah di bawah "Ground Floor" di semua flat dan medan selera.

Inil adalah satu kesempatan yang baik yang perlu diambil oleh penduduk sekitar kawasan ini untuk turun bersama bergotong royong membersihkan kawasan sekitar serta menghapuskan tempat pembiakan tikus secara menyeluruh. Hari ini MPSP menyumbangkan satu pakej

percuma merupakan peralatan gotong royong serta simen untuk menampal lubang-lubang tikus sedia ada bagi membunuh induk dewasa dan anak-anaknya di dalam lubang tersebut. MPSP juga telah menjalankan kerja menabur umpan racun tikus selama dua hari berturut-turut sebelum hari program ini dilancarkan bagi mengurangkan induk dewasa.

Saya telah dimaklumkan bahawa kebanyakan Flat di sekitar kejiranan ini tiada tong sampah sempurna dimana sampah dicampak dari tingkat atas dan bertaburan di bawah tempat simpanan sampah tingkat bawah (ground Floor). Semak samun tidak dibersihkan disekitar kejiranan ini. Sampah dan semak samun inilah menjadi makanan dan tempat tinggal tikus dan membiak di sekitar kawasan kejiranan ini sehingga tidak terkawal.

Program Fokus MPSP 2013 dibawah Persekitaran Bersih, Pihak MPSP masih membantu penduduk sekitar untuk membasmi tikus di kejiranan ini walaupun ianya bukan kawasan penyelenggaraan MPSP. MPSP hanya mampu membuat kawalan jangka pendek iaitu menabur racun umpan tikus sekerap yang mungkin apabila aduan diterima.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Masalah utama di flat-flat sekitar kawasan ini adalah 80% tiada tong sampah sempurna dan ketiadaan pihak Pengurusan dan Penyelenggaraan Harta Bersama (MC) sejak 3-4 tahun yang lalu. Oleh itu yuran perkhidmatan tidak dapat dikumpulkan untuk menjalankan kerja pembersihan secara teratur dan sempurna. MPSP pula sering kali diminta untuk menyediakan tong sampah di semua flat tersebut dan memotong rumput dan semak samun di sekitar kawasan. Untuk pengetahuan penduduk di sini MPSP tidak dapat membekalkan tong sampah dan kerja pembersihan di sekitar kawasan ini kerana ianya bukan dibawah penyelenggaraan MPSP. Ianya dulu di bawah Management Corporation (MC) penduduk di sini apabila PDC menyerahkan kejuranan ini kepada penduduk. MPSP hanya mengutip sampah dari Flat ke tapak pelupusan.

Pihak MPSP telahpun membuat apa yang termampu untuk membantu mengawal tikus di mana setiap Flat kerap di jalankan umpan racun tikus tetapi kaedah ini hanya sementara. Namun tiada penghujungnya. Jabatan (COB) MPSP beberapa kali telah menyarankan agar penduduk mewujudkan badan pengurusannya sendiri dan telahpun memanggil wakil-wakil penduduk untuk bermesyuarat bagi mewujudkan dan menghidupkan kembali badan pengurusan (MC) di sini tetapi gagal. Sudah tiba masanya penduduk bekerjasama dengan pihak berwajib seperti MPSP, PDC dan YB kawasan untuk mencari kaedah yang serius

untuk jangka masa panjang dan berterusan bagi menangani isu ini yang sudah kritikal di kejiranan yang strategik dengan pembangunan pesat.

Banyak premis makanan di sini tumbuh bagaikan cendawan kerana kepadatan penduduk yang tinggi serta tempat komersial yang pesat membangun. Oleh itu MPSP dan Jabatan Kesihatan Negeri juga bertanggungjawab bagi memastikan premis-premis di sekitar kawasan ini makanannya selamat untuk digunakan oleh orang awam. Pilihlah gerai yang bersih yang telah diGredkan oleh MPSP seperti kategori A dan B. Premis-premis makanan dinasihatkan agar elakan membuang sisa makanan di dalam longkang, di luar tong sampah yang disediakan dan di sekitar premis kerana akan mengundang kecelakaan dalam bentuk penyakit seperti kencing tikus.

Di tempat-tempat rekreasi di sini dan seluruh Seberang Perai, kebersihan perlu dijaga, elak membuang sisa makanan dan lain lain sisa bagi mengelak tikus membiak dan mengancam kesihatan kita. Terdapat kes kematian dimana orang awam pergi mandi di tempat rekreasi air terjun dan positif Leptospirosis lalu maut. Contohnya kes Lata Bayu Kedah pada tahun 2010.

Pembiakan tikus di sekitar kawasan ini sudah jelas adalah berpunca berkait rapat dengan budaya kita yang masih memandang ringan tentang penyakit bawaan tikus serta keperluan untuk melupuskan sisa pepejal secara teratur dan keperluan menjalankan aktiviti pembersihan awam secara serius untuk mengawal vector yang merbahaya ini. Saya berharap isu ini akan selesai selepas ini dengan secepat mungkin atas sokongan padu dari penduduk sekitar di sini.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kitar Semula sisa pepejal adalah agenda utama MPSP kearah memelihara alam sekitar. Ianya bukan sahaja dapat mengurangkan kos MPSP untuk melupuskannya jugak dapat membantu kearah melindungi alam sekitar dan kesihatan awam. Sisa pepejal tidak perlu dibuang begitu sahaja kerana sebahagiannya adalah boleh dikitar semula dan mengurangkan sampah yang dibuang. Fikir dahulu sebelum buang. Bagi sisa makan yang berlebihan mencerminkan sikap budaya pembaziran masyarakat kita. "Fikir, Makan, Selamat." Agar pembaziran ini tidak menjadi makanan dan tempat pembiakan tikus dan mengundang bahaya kepada kesihatan awam. Memandangkan kawasan ini kepadatan penduduk adalah tinggi serta pembuangan sisa pepejal juga tinggi, adalah wajar program kitar semula dijalankan di lokasi ini di

masa akan datang. MPSP akan membantu sekiranya penduduk berminat untuk menjalankannya.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Program Kawalan Tikus pada hari ini adalah berkonsepkan Gotong Royong. Ini bertujuan bagi menggalakan penyertaan bersama MPSP dan penduduk awam supaya mesej gotong royong membersihkan persekitaran kediaman perlu diamalkan dan dihidupkan semula dikalangan penduduk di Seberang Perai. Aktiviti gotong royong kini amat sukar diterapkan dikalangan kita masa kini. Marilah kita hidupkan semula tradisi ini kerana ia mampu melahirkan persekitaran kediaman yang bersih serta keharmonian masyarakat yang bersatu padu. Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan aktiviti sihat ini dan berharap supaya aktiviti ini dapat dikekalkan secara berkala. Jika mengharapkan MPSP sahaja menangani isu ini maka sudah tentu ianya akan gagal kerana kapasiti petugasnya yang terhad tambahan pula kebersihan adalah tanggung jawab bersama.

Saya berharap selepas pelancaran ini, program kawalan tikus secara gotong royong ini dapat dijalankan secara berterusan di seluruh Seberang Perai dengan sokongan padu dari masyarakat setempat.



Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Memandangkan kita masih berada dalam bulan Syawal, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Sebelum mengakhiri ucapan saya, ucapan terima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana Kempen Kawalan Tikus dan Gotong Royong secara serentak di semua PBT di seluruh Malaysia.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.